

25/06/1997

Johor Perdana pusat tadbir baru

aysia-Singapura (IMS-GT)" by Saodi Mat Atar; Abdul Razak Raaff  
JOHOR BAHRU, Selasa - Johor menawarkan pusat pentadbiran barunya di Lembah Sungai Johor dekat sini, sebagai pintu perhubungan menerusi jalan air bagi kerjasama ekonomi dan pelancongan tiga negara Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Pusat pentadbiran baru kerajaan negeri yang dikenali sebagai Johor Perdana itu, bakal dilengkapi teknologi maklumat terkini dalam pelbagai aspek.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kedudukan pusat itu di persisiran Sungai Johor begitu strategik dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya Segitiga Malaysia-Indonesia-Singapura (IMS-GT).

Menurutnya, Johor Perdana juga sesuai dibangunkan sebagai kawasan pelancongan berikutan kedudukan geografi aliran Sungai Johor, Selat Tebrau dan Laut China Selatan.

Kajian pembangunan Johor Perdana itu dilaksanakan oleh Institut Sultan Iskandar (ISI) dan projek itu sudah mendapat keizinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat lembah sungai itu, Mac lalu.

"Ia akan mewujudkan satu perhubungan perairan yang lebih terbuka dan akan memberi peluang ekonomi seperti pembangunan persisiran sungai kepada ahli perniagaan dari rantau IMS-GT.

"Projek itu dimulakan dengan kerja membina lebuhraya dan jambatan yang merentangi Sungai Johor sebelum akhir tahun ini," kata Abdul Ghani kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa IMS-GT, di sini, hari ini.

IMS-GT meliputi kawasan geografi seluas 565,000 kilometer persegi dengan penawaran pasaran bernilai RM34 juta. Ia meliputi kawasan Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Riau, Sumatera Barat dan Selatan, Jambi, Bengkulu, Lampung, Kalimantan Barat dan Singapura.

Sebanyak 17 kertas kerja dibentangkan dalam seminar dua hari itu yang banyak membincangkan mengenai pelaburan ekonomi yang disediakan di rantau itu.

Abdul Ghani berkata, IMS-GT akan mewujudkan kawasan bebas tarif yang akan dilakukan secara berperingkat dalam menggalakkan kerjasama tiga hala.

Beliau berkata, hasrat itu akan dicapai dalam jangka masa enam hingga tujuh akan datang, selaras dengan kewujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Sebagai contoh, bayaran fiskal yang dikenakan oleh kerajaan Indonesia akan diturunkan bagi memudahkan pergerakan rakyat di ketiga-tiga negara meninjau peluang pelaburan di rantau IMS-GT," katanya.

(END)